

Agenda Nasional Baru

sasaran dan sebab ia diberi.

“Di bawah RMK-9, di samping kita sambung benda yang elok, kita juga perkenalkan benda yang baru.”

Menurut Khairy lagi, pengenalan ANB adalah wajar kerana faktor utama kejayaan DEB pada tahun 70-an kerana kerajaan dengan jelas menetapkan sasaran, hala tuju dan mekanisme pelaksanaannya.

“Namun pada tahun 1990, matlamat agenda Melayu tidak dinyatakan secara jelas. Agenda Melayu bagaikan tersirat, terlindung dan sukar difahami, secara beransur-ansur pelaksanaan agenda itu terhakis dan hilang dari fikiran orang Melayu,” katanya.

Dalam hal ini, kata beliau, desakan Pemuda agar kerajaan menghidupkan semula semangat DEB bagi menyasarkan matlamat belum tercapai bukan bermakna pergerakan itu hanya berjuang menagih keistimewaan